

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**  
**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa terlalu ramai di kalangan Menteri, Timbalan Menteri serta Ahli Parlimen yang lain menerima Bantuan Prihatin Nasional sedangkan mereka automatik tidak layak dan bagaimana boleh terjadi perkara sedemikian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Prihatin Nasional atau BPN merupakan salah satu bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang diberikan secara *one-off* kepada golongan B40 dan M40. Pemberian BPN bagi golongan B40 adalah berdasarkan pangkalan data Bantuan Sara Hidup. Manakala BPN bagi golongan M40 adalah berdasarkan data percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Pemohon BPN adalah secara automatik dan tidak perlu mengemukakan sebarang bukti pendapatan. Ini adalah kerana semua permohonan akan disemak berdasarkan data agensi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Semakan awal oleh LHDNM semasa proses penentuan kelayakan BPN yang melibatkan golongan M40 adalah berdasarkan data percukaian taksiran pendapatan individu pada tahun 2018 mengikut rekod LHDNM. Semakan mendapati data taksiran pendapatan individu adalah teratur dan kelulusan diberikan berdasarkan data tersebut.

Sekiranya penerima BPN termasuk di kalangan Ahli Parlimen yang ingin memulangkan semula bayaran BPN tersebut, penerima boleh berbuat demikian mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.